



**USAHA MURNI:** Antara warga UPMKB yang menjayakan program kitar semula kampus berkenaan baru-baru ini.

## UPMKB anjur kempen kitar semula bersama EKSA dan Green World

**BINTULU:** Sempena Bulan Kitar Semula, Jabatan Sains Haiwan dan Perikanan Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) telah menganjurkan Kempen Kitar Semula selama tiga hari baru-baru ini.

Program selama tiga hari yang bertemakan ‘Go Green, Stay Clean’ itu turut mendapat kerjasama daripada Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dan Green World Recycle Enterprise.

Ketua Jabatan Sains Haiwan dan Perikanan UPMKB Profesor Madya Dr Juriah Kamaludeen berkata, kempen kitar semula ini antara

lain menggalakkan lebih ramai individu turut serta dalam kempen dalam usaha membantu mengurangkan penggunaan bahan mentah baharu dan tenaga.

“Pada masa sama program sebegini turut membantu mengurangkan pencemaran udara yang kerap berlaku melalui aktiviti pembakaran terbuka dan pencemaran air melalui pembuangan sampah ke dalam sungai,” ujarnya.

Kejayaan penganjuran kempen ini merupakan hasil daripada kesungguhan serta komitmen semua pihak khususnya warga UPMKB itu sendiri.

Justeru beliau memuji usaha murni semua ahli Jabatan

Sains Haiwan dan Perikanan serta pelajar semester satu Bacelor Sains Akuakultur yang telah menyumbang usaha mereka dalam menjayakan program tersebut.

Antara objektif utama penganjuran program ialah bagi mewujudkan persekitaran kampus yang bersih serta meningkatkan kesedaran terhadap usaha menjaga alam sekitar.

Pada masa sama ia bermatlamat meningkatkan kesedaran terhadap isu-isu alam sekitar di kalangan pelajar dan kakitangan UPMKB di samping mengukuhkan pendidikan berkaitan konsep reduksi, penukaran dan kitar semula.